

08/12/2000

Pelantikan Dzaidin tidak harus jadi isu

PELANTIKAN Tan Sri Mohamed Dzaidin Abdullah sebagai Ketua Hakim Negara yang baru, menggantikan Tun Eusoff Chin yang akan tamat perkhidmatannya 19 Disember ini, nampaknya cuba dijadikan kontroversi oleh pihak tertentu. Pihak yang menimbulkan isu itu menggambarkan kononnya Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, tidak tahu-menahu. Kononnya juga Majlis Raja-Raja mendahului tindakan sepatutnya dengan mengumumkan pelantikan Mohamed Dzaidin menerusi satu kenyataan pada 9 November lalu. Pengumuman Jabatan Perdana Menteri semalam mengenai pelantikan Mohamed Dzaidin yang dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah atas nasihat Perdana Menteri serta mendapat perkenan Majlis Raja-Raja, harus menjawab sebarang keraguan.

Kenyataan tiga perenggan itu menyebut pelantikan Mohamed Dzaidin dibuat mengikut Artikel 122B (1) Perlembagaan Persekutuan yang tidak harus menimbulkan kesangsian mana-mana pihak. Sebelum ini adalah jelas ada pihak tertentu yang ingin memberi gambaran wujud percanggahan pendapat dalam pelantikan Ketua Hakim Negara yang baru sedangkan ia tidak pun wajar menjadi isu. Mohamed Dzaidin yang pernah menjadi peguam bela selain Hakim Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Agung berpengalaman luas dalam bidang kehakiman. Pengalaman luasnya melayakkan beliau menyandang jawatan berkenaan. Tidak syak lagi pelantikannya boleh diterima semua pihak untuk terus memartabatkan sistem kehakiman negara daripada diganggu gugat oleh pihak-pihak yang berniat jahat.

(END)